

Kata Kerja dan Komunikasi Berkesan dalam Kitab *Tib Muzium Terengganu Edisi dan Huraian Teks*

BITARAVolume 2, Issue 4, 2019: 027-042
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>Indirawati Zahid, Ab Razak Ab Karim & Rohaidah Haron¹

Abstrak

Kitab Tib Muzium Terengganu Edisi dan Huraian Teks ini merupakan sebuah kitab perubatan yang mengusulkan panduan merawat pelbagai jenis penyakit. Panduan dan pengajaran yang diberikan berbentuk arahan kepada pembacanya dengan penggunaan kata kerja yang memperlihatkan proses penyediaan bahan rawatan dan kaedah perawatan. Berasaskan pernyataan Gardenfors (2014), kata kerja mempunyai dua peranan utama, iaitu mendeskripsikan bagaimana sesuatu itu telah dan akan berlaku dan keduanya, bagaimana sesuatu itu berlaku atau akan berlaku. Sehubungan itu, kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu membincangkan kata kerja dan hubungan leksikal dalam penyediaan bahan dan kaedah perawatan. Analisis semantik leksikal dilakukan pada kata kerja yang menandai cara penyediaan bahan rawatan, iaitu kata “masak” dan kaedah rawatan “sapu/ lumurkan/ dibedakkan/tampalkan/barutkan”. Dapatan analisis memperlihatkan kata “masak” memperlihatkan hubungan leksikal dengan “tanak”, “masak dengan minyak (goreng dan tumis)”, “direndang” dan “rebus” manakala kaedah rawatan “dimakan”, “dimamah”, “diminum”, “disembur” dan “urut”, “□urut”, “gosok” dan “berendam”. Dalam kasus ini, sungguhpun bahasa dan penerangan yang diberikan ringkas, penggunaan kata kerja tersebut masih dapat difahami oleh pembaca kitab. Ditemui juga penggunaan makna kata yang tidak aktif lagi, iaitu kata “rendang, direndang” yang bermaksud digoreng, goreng. Manakala kaedah rawatan, didapati “semburan” selepas dimamah tidak diaplikasi dalam perubatan moden hari ini. Gangguan semantik didapati tidak begitu ketara dalam bahasa yang digunakan kecuali wujudnya nama-nama bahan dan nama-nama penyakit yang kurang diketahui oleh khalayak pembaca khususnya generasi muda hari ini.

Kata Kunci

Kitab Tib, Kata Kerja, Hubungan Leksikal, Semantik Leksikal

Cite This Article:

Indirawati Zahid, Ab Razak Ab Karim & Rohaidah Haron. 2019. Kata kerja dan komunikasi berkesan dalam Kitab *Tib Muzium Terengganu Edisi dan Huraian Teks*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(4): 027-042.

Pengenalan

Kitab atau buku yang berfungsi panduan dan pengajaran tentang sesuatu aspek perlu memiliki ciri komunikasi berkesan. Komunikasi berkesan merupakan ciri yang wajib ada dalam penulisan yang sebegini. Menurut Prabavathi dan Nagasubramani (2018) dalam berkomunikasi, penutur/penulis menghadapi risiko dalam memastikan mesej yang ingin disampaikan adalah

¹ Universiti Malaya, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Ab Razak Ab Karim, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Petaling Jaya, Selangor MALAYSIA,
E-mail: abrazak@um.edu.my

seperti yang dihasratkan oleh penutur/penulis kepada pendengar/pembacanya. Walau bagaimanapun menurut mereka, risiko ini dapat dikurangkan apabila ia mempunyai sistem untuk diikuti oleh penutur/penulis. Menurut mereka lagi, dalam penulisan, komunikasi berkesan memiliki ciri keutuhan, kejelasan dan ketepatan maklumat. Pernyataan ini sekali gus memperlihatkan bahawa dalam penulisan bersifat panduan dan pengajaran seperti kitab tib ini, aspek ketepatan makna dan penyampaian maklumat perlu ada. Hal ini penting bagi mengelakkan gangguan semantik atau *semantic noise* yang mungkin berlaku kepada pembaca mahupun audiens yang terlibat. *Semantic noise* didefinisikan sebagai *linguistics influences on reception of message* dengan maksud penggunaan slanga, jargon atau bahasa yang khusus oleh seseorang atau kumpulan penutur yang memungkinkan ketidakfahaman berlaku kepada individu yang dilawan bicara. Situasi ini bermaksud ia tidak mempunyai makna bagi individu yang berada di luar skop bidang, kumpulan atau penggunaanya (West & Turner, 2010).

Secara teknikalnya, perkara ini sememangnya sedia diketahui oleh para penulis sejak sekian lama tanpa diragui lagi. Walau bagaimanapun dalam konteks *Kitab Tib Muzium Terengganu Edisi dan Huraian* (2017), penulis, iaitu Harun Mat Piah mengakui bahawa wujud kesukaran untuk memahami teks ilmu perubatan tradisional (bagi pembaca umum termasuk pengkaji dalam bidang lain, walaupun telah ditransliterasi dan diberikan catatan). Situasi ini berpunca daripada sifat azali kitab tib yang merupakan satu dokumentasi manuskrip perubatan Melayu lama yang menggunakan bahasa Melayu klasik, bahasa lama atau arkaik dan istilahnya pula berlainan daripada istilah yang digunakan pada hari ini (hlm 285).

Bahasa yang baik akan menentukan maklumat dalam kitab perubatan dapat difahami oleh khalayak pembacanya. Sehubungan itu, sama ada individu yang dirujuk merupakan seorang penulis mahupun penerjemah kitab, kemahiran menggunakan bahasa sememangnya akan teruji dari pelbagai aspek antaranya pemilihan kata, penyusunan maklumat, struktur ayat dan sebagainya. Ini selari dengan pernyataan Harun Mat Piah (2017) dalam Siri Seminar Naskhah Melayu: Ilmu perubatan tradisional Melayu semakin mendapat perhatian, tetapi perlu ada usaha gigih untuk menyebarkanluaskannya. Ia perlu dikaji oleh penyelidik dari pelbagai bidang, selain perlu ditulis semula dalam bahasa yang lebih mudah difahami. (Perubatan Melayu Tradisional Potensi, 2017)

Pernyataan Harun Mat Piah tersebut sememangnya tepat kerana kitab perubatan tradisional Melayu kebanyakannya masih menggunakan bahasa Melayu klasik yang agak sukar difahami oleh khalayak pembaca. Aspek pemilihan kata, struktur ayat dan pengorganisasian maklumat dalam kitab ini memerlukan tumpuan dan pembacaan yang teliti bagi memahami kandungan kitab. Lanjutan itu, bagi memulakan kajian awal tentang bahasa kitab perubatan ini, analisis dilakukan dengan menyempitkan skop analisis hanya kepada penggunaan kata kerja yang digunakan dalam kitab ini. Penggunaan kata kerja dalam kitab ini merupakan antara aspek yang penting selain kata adjektif kerana fungsi kata kerja yang memperlihatkan proses penghasilan sesuatu yang sememangnya relevan dalam menganalisis laras perubatan dalam kitab ini. Pernyataan ini selari dengan Ab Razak (2005), iaitu golongan kata kerja merupakan golongan kata yang paling banyak digunakan kerana dalam setiap proses rawatan, sama ada pengamal perubatan atau pesakit perlu melakukan pelbagai persediaan.

Sorotan Kajian

Kajian tentang kitab perubatan tradisional ternyata begitu popular dilakukan dari dua perspektif, iaitu pertamanya, dari aspek perubatan Islam dan perubatan moden; dan keduanya dari aspek bahan yang digunakan dan kaedah perawatan. Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian yang dilakukan tentang aspek bahasa. Sehubungan itu, secara ringkas dibincangkan kajian yang telah dilakukan berhubung dengan kitab tib dari pelbagai perspektif, iaitu kajian aspek perubatan serta kepercayaan, bahasa dan kosmologi. Antara kajian yang telah dilakukan ialah Mohd. Muhiden (1997), Faisal @ Ahmad Faisal & Nurul Wahidah (2012), Rosnah, Radina, Monaliza dan Wan Robiah (2013), Ab Razak (2005, 2006 dan 2017), Harun (2015) dan Syed Haashim (2017).

Mohd. Muhiden (1997), mengkaji kaedah perubatan Islam dalam Tib Nabawi. Dalam kajian ini beliau menyimpulkan bahawa ilmu perubatan berpunca daripada ajaran Islam dan sunnah Rasulullah s.a.w. Dapatan ini juga telah menolak Islam hanya sebagai agama yang tertumpu pada aspek kerohanian dan ibadah sebaliknya membuktikan bahawa Islam sebagai satu agama peneroka dalam segenap disiplin ilmu termasuk ilmu perubatan. Pernyataan ini selari dengan apa yang diperkatakan oleh Muhamad Faisal dan Muhamad A'riff (2019) bahawa Islam bukan sahaja menekankan aspek spiritual tetapi juga mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia.

Sementara itu, kajian dari aspek bahasa dilakukan oleh Ab Razak (2005 dan 2006) yang menggunakan Kitab Tib Pontianak sebagai korpus. Dapatan kajian Ab Razak ini memperlihatkan pemilihan kata dan perlambangan digunakan dalam menyampaikan maklumat, misalnya perlambangan flora dan fauna digunakan bagi mendukung makna tertentu selain struktur ayat yang kebanyakannya berstruktur ayat majmuk. Kajian ini juga menemui kosa kata arkaik yang digunakan dalam kitab ini. Selain itu, sebagaimana pengkaji lain, Ab Razak (2015 dan 2017) juga mengkaji tentang kaedah perubatan, iaitu rawatan penyakit lelaki dan kaedah rawatan sendiri, iaitu DIY (*Do It Yourself*).

Faisal @ Ahmad Faisal & Nurul Wahidah (2012) pula masih meneruskan skop analisis pada aspek perubatan Melayu tradisional dengan menganalisis Kitab Tibb Pontianak, iaitu pengaruh Islam dalam perubatan Melayu tradisional. Penemuan kajian ini memperlihatkan dua faktor pengaruh Islam dalam perubatan tradisional, iaitu pertamanya, faktor masa, hari dan arah sewaktu mengambil tumbuh-tumbuhan untuk tujuan perubatan; dan keduanya, faktor adap semasa mengambil tumbuh-tumbuhan untuk tujuan perubatan. Disentuh juga dalam kajian yang dilakukan ini, iaitu kaedah rawatan dimakan secara mentah dan dimasak terlebih dahulu.

Kajian amalan perubatan tradisional tempatan juga dilakukan oleh Rosnah, Radina, Monaliza dan Wan Robiah (2013), iaitu amalan perubatan tradisional Melayu Sarawak. Kajian ini memperlihatkan terdapat beberapa kaedah perubatan Melayu Sarawak yang masih diketahui oleh generasi muda, misalnya amalan 'pukul bantal', 'mandi bunga', 'urutan minyak dan bawang' dan penggunaan sireh di dahi bayi bagi mengurangkan sedu. Kaedah perubatan yang tidak diketahui pula berpunca kemungkinannya daripada amalan-amalan yang tidak lagi dipraktikkan oleh golongan muda mahupun golongan tua. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati generasi muda kurang mengetahui tentang amalan perubatan tradisional yang dipraktikkan oleh golongan tua dan terdapat juga golongan tua yang menolak amalan perubatan

tradisional yang dikatakan bercanggah dengan agama Islam. Hal ini selari dengan perbincangan oleh Ahmad Hisham (2018) bahawa Islam sangat menganjurkan pencegahan sesuatu penyakit dengan menggunakan kaedah perubatan yang halal di sisi Allah S.W.T. dan sama sekali melarang kaedah perubatan yang menggunakan benda yang haram serta memudaratkan. Kajian yang dilakukan juga menyentuh tentang makna kaedah perubatan yang diguna pakai tetapi perbincangan tidak bersifat *per se* bahasa.

Sementara itu, Harun (2015) mengkaji ilmu perubatan Melayu tradisional dari naskhah lama dengan rujukan khusus kepada Kitab Tajul Muluk. Perbincangan Harun banyak berfokus pada bahan yang digunakan dalam perubatan, cara sukatan dan pemilihan item yang relevan dengan masyarakat semasa. Dalam tulisan ini juga, beliau mencadangkan penulisan kitab dilakukan dalam bahasa yang mudah.

Dari aspek kosmologi, kajian telah dilakukan oleh Syed Haashim (2017). Perbincangan berfokus pada tiga aspek utama, iaitu ilmu falak, nujum dan ramalan; ilmu botani dan herba; dan ilmu anatomi. Dalam kajian ini, beliau mencadangkan kajian dengan menggunakan manuskrip perubatan diperluas dengan menghubungkan kajian perubatan tradisional dan moden.

Sorotan literatur ini memperlihatkan kajian daripada pelbagai perspektif telah dilakukan dan lebih berfokus secara *per se* kepada aspek perubatan. Kajian tentang bahasa pula masih kurang dan hanya ditemui dua sahaja, iaitu kajian Ab Razak pada tahun 2005 dan 2006.

Permasalahan Kajian

Bertitik tolak daripada sorotan literatur, didapati kajian tentang aspek bahasa dalam kitab perubatan Melayu masih belum banyak dilakukan. Hanya kajian Ab Razak (2005 dan 2006) yang berfokus kepada bahasa. Selebihnya kajian yang dilakukan menganalisis kandungan kitab perubatan daripada pelbagai perspektif tanpa berfokus kepada aspek bahasa secara spesifik. Atas senario ini, kajian yang akan dilakukan ini akan menganalisis dan membincangkan aspek bahasa, iaitu analisis semantik leksikal kata kerja yang digunakan dalam *Kitab Tib Muzium Terengganu Edisi Teks dan Huraian*.

Kerangka Teoritis

Analisis yang dilakukan mengaplikasikan kerangka kerja dalam bidang semantik leksikal, iaitu makna pada aras leksikal, iaitu denotatif. Makna denotatif atau juga dirujuk sebagai makna kamus didefinisikan sebagai bahagian makna atau frasa yang berhubungan dengan fenomena dalam dunia nyata atau fiskyen dan dianggap makna teras atau makna pusat sesuatu leksikal (Richards & Schmidt, 2002). Pemilihan kata kerja sebagai fokus analisis bertitik tolak daripada pernyataan Ga©rdenfors (2014) bahawa kata kerja mempunyai dua peranan utama, iaitu mendeskripsikan bagaimana sesuatu itu telah dan akan berlaku dan keduanya, bagaimana sesuatu itu berlaku atau akan berlaku. Sesuai dengan fungsinya sebagai kitab perubatan, penggunaan kata kerja yang dominan ditemui kerana penghuraian maklumat perubatan berkisar mengenai penyediaan bahan dan kaedah rawatan memerlukan kata kerja dalam konteks linguistiknya. Analisis kata kerja dilakukan dengan menggunakan *Kamus Dewan Edisi Baharu*

(2015, selepas ini KD) bagi memperoleh makna teras kata kerja manakala hubungan leksikal kata kerja pula diperoleh dari *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu* (2015, selepas ini TBMD). Makna denotatif kata kerja tidak akan mengambil kira bentuk homonim, sebaliknya makna polisemi yang relevan akan dianalisis.

Metodologi

Kajian yang dilakukan ini mengaplikasikan dua metod, iaitu kajian pustaka dan analisis teks. Kajian pustaka dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang kajian yang telah dilakukan berhubung topik yang berkaitan selain mengenal pasti aspek yang kurang diberikan tumpuan dalam kajian. Analisis teks pula melibatkan proses mengenal pasti kata kerja yang digunakan dalam kitab ini dengan berfokus kepada dua kata kerja dan hubungan leksikalnya, iaitu “masak” (dalam data kajian, imbuhan awal telah digugurkan, dan kata ini dirujuk sebagai golongan kata kerja berdasarkan konteks linguistiknya) dan hal yang sama untuk “sapu/ lumurkan/ dibedakkan/tampalkan/barutkan”. Kata “lumurkan”, “tampalkan” dan “barutkan” tidak menggunakan imbuhan awalan. Kedua-dua kata kerja ini masing-masingnya menghuraikan cara penyediaan bahan rawatan dan kaedah rawatan. Kesemua makna kata kerja dirujuk dari *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KD, 2015) manakala hubungan leksikal diperoleh dari *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu* (TBMD, 2015). Bagi memperkukuh makna yang dirujuk, kata kerja yang dianalisis akan disemak melalui kondordans Korpus DBP. Carian konkordans ini bertujuan eksplorasi makna kata kunci dan fungsi wacananya (Keith & Miller, 2013). Sementara itu, Stubbs (2002) menyatakan bahawa kajian menggunakan konkordans merujuk pada kajian semantik korpus, iaitu penggunaan kata dalam teks serta wacana dan penelitian penggunaannya sebagai bukti makna. Konkordans yang digunakan untuk analisis ini ialah Korpus DBP. Bagi keseragaman dapatan dan perbincangan, kondordans ini ditetapkan jenis bahannya, iaitu akhbar, buku, majalah dan teks sastera manakala bidangnya makanan, keluarga, kesihatan dan perubatan. Lingkungan konteks pula ditetapkan empat ke kiri dan empat ke kanan.

Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan *Kitab Tib Muzium Terengganu Edisi dan Huraian Teks* yang ditulis oleh Harun Mat Piah dan diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia pada tahun 2017. Kandungan kitab ini menghuraikan tentang perawatan pelbagai jenis penyakit. Kitab ini mempunyai lima bab dan 1 bahagian teks asal (Jawi). Bab III merupakan bab edisi teks, iaitu kandungan kitab ini, manakala bab 1, 2, 4 dan 5 masing-masingnya ialah Pengenalan; Teks dan Transliterasi; Catatan dan Huraian; dan Kesimpulan. Sehubungan itu analisis semantik dilakukan pada bab III, iaitu Edisi Teks yang bertajuk *Fahrasat*. Bab ini bermula dari halaman 59-281. Tiga halaman yang pertama tidak mempunyai teks perubatan sebaliknya hanya tajuk bab, kandungan bab dan halaman kosong. Bagi tujuan analisis peringkat awal ini, analisis hanya berfokus pada halaman 62-66, iaitu teks asal kitab, halaman 1 sehingga 6 sahaja. Kitab ini menggunakan bahasa Melayu yang dikategorikan sebagai bahasa Melayu klasik. Kata yang menjadi fokus analisis ialah kata kerja berhubung penyediaan bahan rawatan dan kaedah

rawatan penyakit kulit ayam atau juga dikenali sebagai badam yang diajarkan kepada pembaca kitab ini. Kata kerja yang menjadi fokus analisis ialah “masak” dan “sapu/ lumurkan/ dibedakkan/tampalkan/barutkan”.

Limitasi dan Objektif Kajian

Analisis yang dilakukan tidak akan menyentuh aspek ayat, nama-nama bahan rawatan serta nama-nama penyakit yang dibincangkan. Proses transliterasi yang dilakukan daripada Jawi ke Rumi juga tidak akan dibincangkan. Analisis menggunakan data sekunder dan hanya bersandarkan catatan dalam kitab yang dianalisis sahaja. Manakala objektif Kajian ini adalah mengenal pasti makna denotatif kata kerja yang digunakan dan menganalisis hubungan leksikal kata kerja yang digunakan.

Dapatan dan Perbincangan

Definisi bagi kata kerja yang dianalisis diperoleh makna denotatifnya dari KD (2015), dan hanya makna yang relevan sahaja yang akan diambil dari sejumlah makna polisemi yang tersenarai. Paparan makna denotatif dalam analisis ini diambil seadanya seperti catatan dalam KD. Kata “masak” (hlm.1001) didefinisikan (Makna kata ini berpolisemi. Yang terpapar dan relevan ialah makna polisemi 2 dan 3) sebagai 2. sudah empuk, tidak mentah lagi (barang makanan yang direbus, digoreng, dll); 3. cara membuat masakan (gulai, dll).

Berdasarkan definisi ini ternyata makna yang diberikan dalam KD bersifat umum sahaja tanpa secara spesifiknya menyatakan bagaimana “masak” itu dilakukan, iaitu boleh sahaja “direbus”, “digoreng”, “digulai” dan lain-lain. Berdasarkan cara masakan ini, “rebus” (hlm.1300) didefinisikan sebagai “... yg dimasak dalam air (sehingga empuk, keras, dsb)”; “digoreng” pula (hlm.481) merujuk pada 1. yg dipanggang (dipanaskan) dalam kualiti kering, yang dimasak dgn minyak”; sementara “gulai” (hlm.487) pula didefinisikan sebagai “masakan (daging, ikan, dll) yang berkuah”. Dengan kesemua penyenaian cara masakan tersebut, sama ada pembaca atau penutur natif bahasa Melayu perlu memahami maksud kata “masak” yang dirujuk dalam kitan tib ini berdasarkan konteks linguistik yang dirujuk. Sementara itu, hubungan leksikal bagi kata “masak” yang diperoleh dari TBMD (hlm.550) menyenaraikan sejumlah kata yang bersinonim dengan kata “masak”, dalam konteks ini “memasak” seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 Hubungan Leksikal Memasak - Sinonimi

memasak <i>kk</i>
memanggang, membakar, memperapikan, menanak, mencelur, mendadar, mendidihkan, mengasapi, menggoreng, menggril, menggulai, mengukus, menjerang, mensante, menumis, menyabab, menyalai, merebus, merendang, merendidih, merenih; membagar, membembam, membubuk, menggarang, menggodok, menyembam, menyinggang;

Petunjuk

; proses seterusnya yang berlaku (hlm.xv)

Jadual 1 memperlihatkan penyenaian 28 hubungan leksikal bagi kata “memasak” dengan 21 kata yang bersinonim dengan “memasak” manakala 7 kata yang berbaki bersinonim dengan proses yang berlaku selepas “memasak”. Sementara Jadual 2 memperlihatkan kata “masak” dalam konteks kitab tib.

Jadual 2 Konteks Linguistik Kata Masak

Kata Kerja	Konteks Linguistik
	... <i>masak</i> , beri minum. (hlm.62)
masak	... bubuh rempah-rempah baharu maka <i>rebus</i> , minum ... (hlm.62)
	... ubat minumannya ... maka <i>rebus</i> semuanya... (hlm.62)
	... maka <i>rebus</i> semuanya <i>masak-masak</i> , <i>rebus</i> dengan minyak lenga... (hlm.63)
	... pipis lumat-lumat, <i>hangatkan</i> pada api ... (hlm.63)
	... daun sembung maka <i>rebus</i> hingga <i>masak</i> , ... (hlm.63)
	... ambil pulut hitam seling <i>direndang</i> beri hangus ... (hlm.63)
	...minyak sempelah secupak, <i>masakkan</i> dengan minyak itu, ... (hlm.64)
	...hancurkan dengan susu kerbau itu, <i>permasak</i> di dalam belanga... (hlm. 64)
	...bubuh dalam hirang maka <i>ditanam dalam tanah dibubuh api</i> di atasnya, ... (hlm.64)
	...dia bertangas; <i>bakar</i> cabai, ... (hlm.64)
	...ke dalam periuk, ketang maka <i>rebus</i> dengan air ... (hlm.64)
	...sudah, <i>masakkan</i> ; sudah <i>masak</i> maka bangkitlah. (hlm.65)
	...airnya segantang maka <i>masakkan</i> tinggal sebahagi; ... (hlm.65)
	...campurkan, <i>masakkan</i> pula; ... (hlm 65)
	...campurkan semuanya maka <i>tanak</i> , ... (hlm.65)
	... giling lumat-lumat, <i>permasak</i> pula dengan minyak itu... (hlm 65)
	... bakar sesawi secawan, <i>rendang</i> , ... (hlm.66)
	...bubuh dalam periuk yang muat dua gantang maka <i>rebus</i> . (hlm. 66)
	... <i>bakar</i> sudah, giling, <i>hangatkan</i> , ... (hlm.66)
	... <i>rebus</i> jangan kena air, yakni <i>kukus</i> , ... (hlm.66)
	Petunjuk
	... ellipsis

Jadual 2 memperlihatkan kata masak yang digunakan baik secara umum dan secara spesifik dalam kitab. Terdapat 27 kata kerja yang dirujuk dengan 10 kata dengan maksud umum – “masak”, “masakkan”, “permasak”, “masak-masak”; “rebus” berjumlah 8; “hangatkan” berjumlah 2; “direndang, rendang” berjumlah 2; “ditanam dalam tanah dibubuh api di atasnya” berjumlah 1; “bakar” berjumlah 2; “tanak” dan “kukus” masing-masingnya berjumlah 1.

Perbezaan secara spesifik setiap makna kata tersebut dapat dilihat dalam Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3 Definisi Kata Masak dan Kaedahnya

Kata Kerja	Definisi
masak (hlm.1001)	2. sudah empuk, tidak mentah lagi (barang makanan yang direbus, digoreng, dll); 3. cara membuat masakan (gulai, dll).
memasak, mempermasak	sl membuat lauk-pauk (kuih-muih dll), mengolah makanan supaya masak
rebus (hlm.1300)	... yg dimasak dalam air (sehingga empuk, keras, dsb)
hangatkan (hlm.509)	menghangatkan 1. = memperhangat menjadikan hangat (panas), memanaskan
tanak (hlm.1592)	menanak 1. memasak nasi (dlm periuk, kawah, dll) 2. memasak sesuatu dgn merebusnya sahaja;
rendang (hlm.1314)	rendang 1. goreng; 2. sj lauk yang dibuat drpd daging dll yg dirempah-rempahi (dibubuh santan dan dimasak sampai kering): 2. memanaskan sesuatu (spt ikan, daging, pisang, dsb) di atas api supaya masak, memanggang;
bakar (hlm. 111)	3. memasak sesuatu (spt kuih, ikan, daging, dll) dgn jalan memanaskannya dlm ketuhar:
kukus (hlm.844)	mengukus 1. memasak atau memanaskan sesuatu dengan menggunakan wap air mendidih : 2. memanaskan cairan (spt air dll) hingga menjadi wap yg kemudian bertukar semula menjadi cairan;

Definisi kata “masak” dan kaedah memasak berdasarkan Jadual 3 memperlihatkan ciri khusus bagi setiap satu kata yang dirujuk, iaitu secara menggoreng, menggunakan air tetapi melalui kaedah pengewapan, penggunaan rempah-ratus, dibakar dan sebagainya.

Bagi kata “sapu/lumurkan/dibedakkan/tampalkan/barutkan” hubungan leksikal bagi kata “sapu”, “bedak” dan “barutkan” tidak disenaraikan dalam TBMD walau bagaimanapun definisi yang diberikan dalam Jadual 6 memperlihatkan hubungan makna yang berlaku. Kata “sapu” tidak secara literalnya wujud pada halaman kitab tib yang dianalisis tetapi kata ini diperoleh daripada makna konteks linguistik yang dianalisis yang bersinonim dengan kata “membedak” (KD, hlm.145). Bezanya, dalam konteks definisi ini, ia terhad kepada bahan yang dinamakan bedak sementara dalam kitab tib tidak dinyatakan bahan yang dirujuk tersebut.

Hubungan lesikal bagi “lumurkan” dapat dilihat pada Jadual 4 yang berikut:

Jadual 4 Hubungan Leksikal Melumurkan - Sinonimi

melumurkan <i>kk</i>
melumangkan, melenserkan, mengelumangkan, mengelimangkan, menyelepatkan, menyelepurkan, menyempelatkan, memalitkan, menyalitkan.

Daripada sejumlah 9 kata yang bersinonim dalam Jadual 4, dapat dilihat bahawa “memalit” juga bermaksud menyapukan (TBMD, hlm.612). Sehubungan itu, “lumurkan” dan “sapu” merujuk kepada perbuatan yang sama cuma kolokasi “lumurkan” sering kali digunakan bersama bahan minyak.

Jadual 5 yang berikut memperlihatkan hubungan leksikal bagi “tampalkan”.

Jadual 5 Hubungan Leksikal Menampalkan – Sinonimi

menampalkan <i>kk</i>
melekatkan, menempelkan, menampungkan, menepetkan, menepekan, menembelkan, menambalkan, merekatkan;

Jadual 5 memperlihatkan 8 kata yang bersinonim. Definisi bagi kata “tampalkan” ini dapat dilihat sebagaimana Jadual 6. Makna bagi “tampalkan” ini ternyata berbeza dengan maksud “barutkan” berdasarkan lokasi perbuatan tersebut dilakukan. Menurut KD “sapu/lumurkan/dibedakkan/tampalkan/barutkan” didefinisikan seperti dalam Jadual 6 yang berikut:

Jadual 6 Definisi “Sapu, Lumur, Dibedakkan, Tampalkan, Barutkan”

Kata Kerja	Definisi
sapu (hlm.1391)	3. = menyapu-nyapu mengesat-ngesat, menggosok-gosok, mengusap-usap;
lumur (hlm.966)	melumurkan, melumur menyapukan (minyak, lumpur, dll), melumangkan, memalit-malitkan;
dibedakkan (hlm.145)	membedaki membubuh (menyapu) bedak pada: membedakkan membubuhkan atau menyapukan bedak pd:
tampalkan (hlm.1587)	menampalkan 1. melekatkan perca kain dll pd:
barutkan (hlm.132)	barut I kain pembalut (luka dll), kain utk membebat (perut anak yang baru lahir atau ibu yg baru melahirkan anak); membarut memakaikan barut, membalut (membebat) dgn barut:

Jadual 6 memperlihatkan makna teras bagi setiap satu kata yang dirujuk, iaitu “sapu” (dengan maksud yang sama “dibedakkan” dalam konteks kitab tib) – mengesat-ngesat, menggosok-gosok, mengusap-usap; “lumur” – berhubungan dengan minyak; “dibedakkan” – membubuh bedak; “tampalkan” – melekatkan perca dll; dan “barutkan”- kain pembalut di perut.

Sementara Jadual 7 yang berikut pula memperlihatkan beberapa contoh kata “sapu/lumurkan/dibedakkan/tampalkan/barutkan” dalam konteks linguistiknya.

Jadual 7 “Sapu, Lumur, Dibedakkan, Tampalkan, Barutkan” - Konteks Linguistik

Kata Kerja	Konteks Linguistik
sapu (Contoh yang sama untuk kata “dibedakkan” juga)	Ini ubat penggosok tubuhnya ... (hlm.62) ... maka gulung bulat-bulat <i>gosokkan</i> pada seluruh tubuhnya... (hlm.62) ... ini ubat <i>bedaknya</i> ... (hlm 62) ... giling lumat-lumat <i>bedakkan</i> seluruh tubuhnya... (hlm 62) ... hangatkan, kemudian <i>gosok</i> pada segala tubuh. (hlm.64) ... minyaknya itu <i>digosokkan</i> pada kuku hitam, ... (hlm.64) ... dengan asam jawa itu maka <i>gosokkan</i> pada segala tubuhnya, ... (hlm 65-66)
lumurkan	... maka <i>lumurkan</i> minyak ... (hlm.62) ... maka <i>urut</i> (Kata ini juga boleh dirujuk kepada proses sapu =menyapu) pada segala tubuh... (hlm.62) ... minyak lenga secawan, maka <i>urutkan</i> ... (hlm. 63) ... permasak minyak ... maka <i>urutkan</i> pada segala yang sakit itu, ... (hlm.65)
tampalkan	...air limau purut atau cuka maka <i>tampalkan</i> pada bengkak itu, ... (hlm.63) ... air cuka maka <i>tampalkan</i> pada badam itu, ... (hlm.63) ... air cuka atau limau purut maka <i>tampalkan</i> pada badam, ... (hlm.63)
barutkan	... air cuka masam maka <i>barutkan</i> pada bengkak itu, ... (hlm.63) ... air cuka maka <i>barutkan</i> pada badam itu, ...(hlm.63) ... nasi dingin maka <i>barutkan</i> ... (hlm.65) ... <i>barutkan</i> dengan perca-perca putih... (hlm.63)

Jadual 7 memperlihatkan penggunaan kata yang digunakan dalam kitab tib dan ternyata makna yang dirujuk tersebut tidak kesemuanya menepati makna yang dirujuk dalam KD, bagi kata “dibedaki”, dalam konteks kitab tib, bedak yang dirujuk bukan sebagai bahan wangian, sebaliknya sejenis ubat; begitu juga “barutkan” yang bersifat umum, iaitu tidak semestinya di perut. Sementara itu, kolokasi kata yang dapat dilihat dalam konteks linguistik kitab tib ini memperlihatkan senario: lumur-minyak-urut/2 urut; bedak-sapu; barut-kain.

Sebagaimana yang dinyatakan pada bahagian awal dapatan analisis memperlihatkan penggunaan kata kerja tidak kesemuanya menepati makna yang dirujuk sepertimana yang diberikan dalam KD. Sehubungan itu, bagi membuktikan pernyataan ini, kesemua kata kerja ini diperlihatkan penggunaannya dalam bahasa Melayu moden melalui analisis konkordans. Jadual 8 memperlihatkan kata “masak” yang secara umumnya digunakan dalam bahasa Melayu moden hari ini.

Jadual 8 Konkordans “Masak”

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan
21	75358#3	Hidangan ini seperti	masak	rendang cuma bezanya, lebih ...
22	98130#44	-	Masak	agar-agar dengan air dan ...
23	97516#20	Namun perlu diketahui,	masak	lemak cili padi yang ...
24	119045#7	Pemilihan resipi seperti	masak	lodeh, bergedel dan sambal ...
25	97515#2	... yang mentah atau separuh	masak	, terdapat banyak lagi set ...
26	97515#3	... pula terdapat saluran air	masak	panas yang dikhaskan kepada ...
27	119045#35	... menggantikan penggunaan santan dalam	masak	lodeh juga telah mengurangkan ...
28	98130#64	... masakan yang disajikan termasuklah	masak	lemak ayam cili padi, ...
29	97515#0	... di sini ada ayam	masak	belacan, laksa Pulau Pinang, ...
30	97516#16	... ayam masak cili padi,	masak	halia atau masak merah.

Seperti yang dinyatakan, “masak” dalam bahasa Melayu moden hari ini hanya dirujuk secara umum maknanya tanpa menyatakan bagaimana sesuatu masakan itu dilakukan. Ini selari dengan definisi dalam KD, iaitu boleh sahaja kaedah menggoreng, menggulai dan sebagainya. Jadual 9 pula memperlihatkan kata “tanak” yang penggunaannya sudah tidak lagi begitu popular digunakan dalam kalangan penutur bahasa Melayu moden. Berdasarkan kondordans hanya ditemui 3 contoh yang dua daripadanya khusus dikolokasi dengan memasak nasi, manakala satu lagi contoh hanya dinyatakan secara umum.

Jadual 9 Konkordans “Tanak”

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan
1	119036#0	Hasanah	tanak	nasi semula sebab nasi ...
2	119036#1	Kali ini dia	tanak	betul-betul walaupun sekejap lari ...
3	119036#2	... di dapur, dia cepat-cepat	tanak	nasi, cepat-cepat goreng ikan ...

Contoh kata “tanak” ini hanya ditemui dalam bidang keluarga sahaja, tidak ditemui dalam bidang masakan. Ini berkemungkinan frasa “memasak nasi” lebih kerap atau aktif digunakan berbanding dengan “menanak nasi”. Hal yang sama juga berlaku pada kata “rendang”. Bahasa Melayu moden hari ini sudah menyempitkan penggunaan kata ini khusus untuk sejenis nama masakan seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 10.

Jadual 10 Konkordans “Rendang”

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan
11	75288#1	Antara membangkitkan selera ialah	rendang	daging, ayam merah, udang ...
12	98130#11	Begitu juga dengan	rendang	, kari daging atau ayam, ...
13	98130#5	-	Rendang	ini sedap dimakan bersama ...
14	98130#17	... menu yang disediakan termasuklah	rendang	daging Negeri Sembilan, ikan ...
15	98129#2	PUAS menikmati ketupat dan	rendang	, selera meragam hendak yang ...
16	98130#2		Rendang	yang basah atau berkuah ...
17	75311#0	... dan kapis jumbo fricassee,	rendang	daging lembu batang pinang ...
18	98130#10	... dengan ketupat, lemang dan	rendang	yang menjadi hidangan wajib ...
19	97515#0	... ikan, sayur lodeh dan	rendang	daging.
20	98130#9	... kalanya terlampau banyak menikmati	rendang	dan ketupat, sesekali selera ...

Carian konkordans juga tidak menemui kata “direndang” dengan maksud yang sama seperti dalam kitab tib, iaitu menggoreng. Dapatan ini memperkukuh pernyataan sebelum ini, iaitu “rendang” hanya dikhususkan untuk jenis masakan.

Bagi kata “rebus”, “hangatkan”, “bakar” dan “kukus” masing-masingnya dalam Jadual 11, 12, 13 dan 14 tidak memperlihatkan masalah makna, iaitu gangguan semantik kepada pembaca kitab tib.

Jadual 11 Konkordans “Rebus”

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan
11	97516#3	Kalau teringin mencuba kerang	rebus	, singgahlah ke gerai ini.
12	98129#3	... campurkan bahan-bahan A dan	rebus	hingga air kering.
13	119045#0	... disediakan melalui kacang soya	rebus	yang telah diasingkan kulitnya ...
14	97515#0	... ayam, lontong, pecal, mi	rebus	dan pelbagai lagi hidangan ...
15	97516#0	... ada orang jual jagung	rebus	, sederetlah yang jual jagung ...
16	98130#0	... dan air secukupnya dan	rebus	hingga empuk.
17	75314#1	... gado-gado dan ikan pari	rebus	air asam serta pencicah ...
18	97516#4	telur	rebus	atau nasi lemak kosong.
19	98128#1	samada mi	rebus	, mi bandung, asam laksa ...
20	97515#1	... tomyam, ikan bakar, kerang	rebus	dan banyak lagi makanan ...

Jadual 11 memperlihatkan kata “rebus” yang kaedah memasaknya menggunakan air, seperti paparan konkordans “ ... bahan-bahan A dan *rebus* hingga air kering”; ... air secukupnya dan *rebus* hingga empuk.”

Situasi yang berbeza bagi kata “hangatkan”. Walaupun kata ini tidak mempunyai makna yang lain atau mungkin boleh menimbulkan salah faham, kata ini didapati tidak popular dalam kalangan pengguna bahasa. Ini dibuktikan melalui carian konkordans yang hanya memaparkan satu sahaja penggunaannya dalam bidang masakan seperti dalam Jadual 12.

Jadual 12 Kondordans “Hangatkan”

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan
1	97493#0	Sebaliknya	hangatkan	lagi perasaan cinta anda ...
2	98057#0	... kelapa pada permukaan siri,	hangatkan	atas permukaan api, setelah ...

Kata ini tidak popular atau aktif digunakan. Ini kemungkinannya bertitik tolak daripada penggunaan kerap kata “memanaskan” atau “panaskan” dalam bidang masakan. Kata “hangat”, lebih aktif digunakan dalam kalangan penutur dialek Kedah bagi maksud yang sama bagi “memanaskan” atau “panaskan”.

Jadual 13 pula memaparkan konkordans “bakar”. Didapati kata ini tidak menimbulkan masalah pemahaman dari aspek makna yang dirujuk.

Jadual 13 Konkordans “Bakar”

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan
31	98129#34	... dengan kertas timah dan	bakar	dalam ketuhar yang panasnya ...
32	98129#0		Bakar	lemang selama 4 jam, ...
33	97516#5	... dan antaranya ialah ikan	bakar	, ayam goreng, telur masin, ...
34	97515#2	... kafe ini seperti ikan	bakar	, ikan air tawar, sup ...
35	75314#1	... kegemaran mereka seperti ikan	bakar	dan aneka pencuci mulut,” ...
36	98129#6	... atas kek coklat dan	bakar	selama 25-30 minit atau ...
37	98129#21		Bakar	selapis demi selapis dalam ...
38	75299#0	... daging, kambing panggang, lidah	bakar	, kebab shawarma dan tandoori, ...
39	75298#1	... sos, isi ikan kod	bakar	bersama sos lobak dihidang ...
40	75314#0	... berempah, puyuh goreng, ikan	bakar	dan ikan masin sambal ...

Kata “bakar” dalam konkordans ini memaparkan kaedah masakan seperti mana yang digunakan dalam kitab tib. Hal yang sama untuk kata “kukus” dalam Jadual 14.

Jadual 14 Konkordands “Kukus”

No.	No. Rekod	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan
1	75348#0	... yu bersama isi ketam; udang goreng dan siakap	kukus	bersos soya.
2	98130#1	-Setelah air mendidih,	kukus	daging sehingga masak.
3	97515#0	Antaranya ialah ayam herba	kukus	dengan labu, ketam keju bakar, spaghetti scallop caserol, ...
4	119045#2	Penyediaan tempe dengan menggunakan kaedah	kukus	berbanding dengan kaedah penggorengan, menggunakan proses rendaman minyak ...
5	98130#8	Kemudian	kukus	, setelah hampir masak masukkan santan, sedikit garam.
6	98130#3	-	Kukus	selapis demi selapis sehingga habis.
7	75350#0	... adalah ladu atau bebola ayam yang dimasak secara	kukus	manakala Har Kau pula adalah bebola udang yang ...
8	75348#2	... atau abalon diiringi udang goreng ala szechuan; ayam	kukus	bersama kailan dan kicap serta nasi goreng istimewa.
9	98128#0	Penggemarnya akan duduk berkeliling satu meja dengan mangkuk	kukus	untuk merebus hidangan terletak di tengah meja.
10	75333#0	... sajian tradisi dan kegemaran kaum Cina antaranya ayam	kukus	, sayur campur dan sup bunga teratai.

Jadual 14 secara jelas memperlihatkan kaedah masakan “kukus” yang dirujuk dengan penggunaan air yang mendidih bagi tujuan memasak dengan cara pengewapan, “Setelah air mendidih, kukus daging sehingga masak.”

Seperti yang dibincangkan dalam Jadual 7, antara kaedah rawatan yang dilakukan ialah “dimakan”; “dimamah”; “diminum”; “disemburkan”; “urut”; “gosok” dan “berendam” lihat Jadual 15 yang berikut yang memperlihatkan beberapa contoh konteks linguistiknya.

Jadual 15 Kaedah Perawatan

Kata Kerja	Kaedah Rawatan
dimakan	... seperti madat maka <i>telan</i> (TBMD, hlm. 538) ...; ... masakkan dengan minyak itu, maka <i>makan</i> ; ... maka haru diberi mesra-mesra maka <i>makan</i> ...;
dimamah	... maka hiris maka <i>mamah</i> dengan sirih ...;
diminum	... maka rebus, <i>minum</i> hingga sembuh.; Ini ubat <i>minumnya</i> di dalam.; ... maka rebus semuanya itu, ... <i>minum</i> , ...;

disemburkan	...mamah dengan sirih pinang maka <i>semburkan</i> pada penyakit ...;
urut	... minyak lenga secawan, maka <i>urutkan</i> ...;
gosok	... maka gulung bulat-bulat <i>gosokkan</i> ...; ... hangatkan, kemudian <i>gosok</i> ...; ...dan minyaknya itu <i>digosokkan</i> ...;
berendam	... orang yang badam itu masuk <i>berendam</i> ...

Sementara itu, dari aspek kaedah rawatan “sapu/lumurkan/dibedakkan/tampalkan/barutkan”, analisis yang dilakukan memperlihatkan makna kata kerja yang dirujuk dapat difahami dan dihubungkan maknanya dengan kaedah yang dirujuk. Ini kerana kesemua kata kerja ini merupakan antara kata kerja yang aktif digunakan dalam kalangan penutur bahasa Melayu hari ini.

Penyediaan bahan dan kaedah rawatan yang diaplikasi dalam kitab tib ini didapati tidak banyak bezanya dengan perubatan moden hari ini walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan kaedah rawatan yang tidak diamalkan kini ialah “disemburkan” (jika mulut yang digunakan, lihat Jadual 15) tetapi sekiranya kaedah semburan dilakukan dengan penggunaan alat khas, perubatan moden sememangnya memiliki kaedah ini. Manakala dari aspek penyediaan bahan rawatan tentulah ini tidak menjadi amalan perubatan moden hari ini. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ab Razak (2017) perubatan dalam kitab tib ini bersifat *do it yourself* (DIY).

Kesimpulan

Analisis semantik leksikal kata kerja dalam kitab ini memperlihatkan terdapatnya dua situasi yang berlaku bagi kata dan makna kata kerja yang dianalisis, iaitu pertamanya, kata yang kurang aktif digunakan dan keduanya, makna kata yang sudah tidak digunakan lagi dalam bahasa Melayu moden hari ini. Kata “rendang, direndang” dalam bahasa Melayu moden hari ini sudah spesifik maknanya, iaitu jenis masakan. Sehubungan itu kata “rendang, direndang” sudah tidak dianggap aktif penggunaannya sebagaimana makna dalam KD, iaitu merujuk juga kepada perbuatan menggoreng. Begitu juga bagi kata “tanak”. “Tanak” menurut KD merupakan perbuatan memasak nasi dan memasak (tanpa dinyatakan memasak apa, tetapi kaedahnya merebus) dan di dalam konteks kitab tib, “tanak” tidak dirujuk kepada perbuatan memasak nasi. Dalam bahasa Melayu moden pula “tanak” tidak digunakan secara aktif, sebaliknya apabila merujuk kepada proses “tanak nasi”, yang digunakan ialah kata “masak” – “masak nasi” manakala “tanak” dengan maksud merebus juga tidak digunakan, sebaliknya yang digunakan ialah kata “rebus”. Hal yang sama berlaku pada kata “hangat” yang merujuk kepada perbuatan memanaskan tetapi kata ini juga tidak aktif digunakan sebaliknya yang aktif digunakan “memanaskan” atau “panaskan” dalam bahasa Melayu moden hari ini.

Hubungan leksikal kata kerja yang dirujuk memperlihatkan makna kata yang dirujuk dalam KD sememangnya digunakan dalam kitab tib ini. Apa yang berlaku hanyalah kurangnya pengetahuan pembacanya, khususnya generasi hari ini dengan penggunaan beberapa perkataan yang digunakan kerana keaktifan penggunaan kata tersebut yang agak kurang pada hari ini.

Bagi aspek kaedah rawatan, kesemua kaedah rawatan masih digunakan dalam bahasa Melayu moden hari ini, kecuali kaedah “semburan selepas memamah” bahan rawatan tidak berlaku pada hari ini. Gangguan semantik pada aras leksikal tidak begitu banyak berlaku dalam lima halaman pertama kitab yang dianalisis ini. Sehubungan itu dapatan ini masih bersifat

tentatif. Gangguan semantik dari aspek nama bahan dan penyakit sememangnya tidak dapat dinafikan agak sukar difahami kerana kemungkinannya penulis kitab ini menggunakan nama-nama penyakit yang bersifat semasa sewaktu itu. Situasi ini tentulah menjadi kekangan kepada generasi muda untuk memahami secara keseluruhan kandungan kitab sebagaimana yang dinyatakan oleh Harun Mat Piah (2017) bahawa bahasa Melayu klasik yang digunakan dalam kitab sukar untuk difahami.

Rujukan

- Abdul Ghani Hussain. 2015. *MSS2999 Kitab Tib - Pandangan dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).
- Ab.Razak Ab. Karim. 2005. Kitab Tib: Satu Analisis Perubatan. *Jurnal Bahasa* 5(2): 77-111.
- Ab.Razak Ab.Karim. 2006. *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab.Razak Ab.Karim. 2015. Penyakit Golongan Lelaki Berdasarkan Kitab Tib. Seminar Bulanan Naskhah Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ab Razak Ab Karim. 2017. D.I.Y. (*Do It Yourself*) dalam Perubatan Melayu: Kegeniusan Masyarakat Melayu Klasik, dlm. Prosiding Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ahmad Hisham Azizan. 2018. Kandungan Vaksin (Vaccine Ingredients): Satu Analisis Menurut perspektif Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4): 61-70.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi. 2012. Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal Al-Tamaddun* 7(1) 2012, 149-162.
- Gärdenfors, P. 2014. *The Geometry of Meaning: Semantics Based on Conceptual Spaces*. Cambridge: The MIT Press.
- Harun Mat Piah & Zawiyah Baba. 2014. *Kitab Tib 2525. PNM Edisi Teks dan Huraian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. 2015. Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskhah-naskhah Lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(3): 3-17.
- Harun Mat Piah. 2017. *Kitab Tib Muzium Terengganu. Edisi dan Huraian Teks*. Kuala Lumpur Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).
- Harun Mat Piah. 2018. Perubatan Melayu Tradisional Ada Potensi. Retrieved from <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian>, 20 Julai 2018.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. 2015. Kuala Lumpur : DBP.
- Keith, B. & Miller, J. 2013. *The Cambridge Dictionary of Linguistics*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Korpus DBP*. Retrieved from <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Researchers/Search2.aspx>
- Mohd. Muhiden Abd. Rahman. (1997). Islam dan Perubatan: Satu Kajian Umum Mengenai Tib Nabawi. *Jurnal Usulludin* 7: 185-192.
- Muhamad Faisal Ashaari & Muhamad A'riff Khushairi. 2019. Isu-isu Agama dalam Hubungan Antara Kaum di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 87-98.

- Prabavathi, R. & Nagasubramani, P. C. 2018. Effective Oral and Written Communication. *Journal of Applied and Advanced Research*. 3(1): 29-32.
- Richards, J.C. & Schmidt, R. 2002. *Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics*. UK: Pearson Education Limited.
- Rosnah Mustafa, Radina Mohd Deli, Monaliza Sarbini-Zin dan Wan Robiah Meor Osman. 2013. Amalan Perubatan Tradisional Masyarakat Melayu Sarawak. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134: 316 – 322.
- Syed Haashim Syed Abdul Rahman. 2017. Kosmologi Kitab Tibb Melayu: Satu Penghayatan Awal. Seminar Sains dan Teknologi Malayonesia, 21 Januari 2017, Universiti Putra Malaysia.
- Stubbs, M (2002). *Words and Phrases: Corpus Studies of Lexical Semantics*. UK Blackwell Publishing.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*. 2015. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: DBP.
- West, R. & Turner, L.H. (2010) *Introducing Communication Theory: Analysis and Application*. New York: McGraw-Hill Higher Education.